

LZS sasar RM840j kutipan zakat

FOTO: ROSLI TALIB

*Pastikan
golongan berhak
terima bantuan
sewajarnya*

MUHAMMAD
AMINURALIF MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyasarkan kutipan sebanyak RM840 juta untuk kutipan zakat pada tahun ini.

Ketua Pegawai Penyelaras LZS, Abdul Basith Hamid berkata, sasaran kutipan itu akan memastikan mereka yang berhak menerima dengan sewajarnya.

"Sasaran Lembaga Zakat Selangor adalah sebanyak RM840 juta, namun sebenarnya kita memerlukan RM900 juta dan masa sama sasaran ini akan berdepan dengan beberapa cabaran.

"Cabarannya ialah da-



Penerima anugerah Majlis Penghargaan LZS 2018 bergambar selepas tamat majlis di Shah Alam semalam.



Cabaran adalah daripada segi faktor ekonomi dan kedua-duanya adalah persepsi masyarakat.

- Abdul Basith

ripada segi faktor ekonomi dan keduanya ialah persepsi masyarakat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penghargaan LZS di Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, semalam.

Katanya, LZS menguruskan 54,000 keluarga fakir miskin yang disantuni secara bulanan dan jumlah sasaran kutipan yang tinggi itu adalah selari dengan jumlah yang perlu dibantu.

"Kita takut duit sebanyak RM840 juta ini disalah anggap bahawa Selangor sudah terlalu banyak agih,

namun perlu dilihat juga keperluannya yang agak tinggi," katanya.

Dalam pada itu, sebagai menghargai komitmen dan sumbangan yang diberikan

dalam menyebarkan dakwah zakat, ejen kutipan dan penolong amil LZS diraih dalam Majlis Penghargaan LZS 2018.

Abdul Basith berkata,

sebanyak 18 anugerah termasuk Anugerah Khas membabitkan tiga kategori diserahkan dalam majlis tersebut.

"Universiti Putra Malaysia merupakan penolong amil LZS menerima Anugerah Muaz bin Jabal sebagai pengiktirafan atas peningkatan kutipan zakat dan pembayar baru serta komitmen terbaik sepanjang 2018.

"Manakala Celcom Axiata Berhad menerima Anugerah Umar Al-Khattab bagi peningkatan jumlah kutipan zakat melalui potongan gaji dan komit-

men dalam pengurusan agihan semula terbaik bagi 2018," katanya.

Sementara itu, Lembaga Tabung Haji menerima Anugerah Abdul Rahman bin Auf kerana komitmen menunaikan zakat perniaaan termasuklah menguruskan wakalah agihan pada tahun 2018.

Majlis turut dihadiri Ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS, Profesor Emeritus Dr Muhammad Awang dan Ahli Jawatankuasa Operasi Kutipan LZS, Datuk Syed Ghazali Wafa Syed Adhwam Wafa.